

# SUCCESS STORY

JENIS	MAKLUMAT
NAMA PI1M	PUSAT INTERNET 1 MALAYSIA TAMAN JAYA KEMAYAN
LOKASI	MUKIM KEMAYAN, BERA, PAHANG
NAMA	KOW CHUN BOON @ STEVEN KOW (Managing Director)
BUTIRAN DIRI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 24 Tahun</li> <li>• Lelaki</li> <li>• Taraf Pendidikan (STPM)</li> <li>• Perniagaan Peralatan Memancing, Tebu &amp; Courier</li> <li>• Emel : <a href="mailto:stevenkow91@gmail.com">stevenkow91@gmail.com</a></li> <li>• Website : <a href="https://www.1stopfishing.com">https://www.1stopfishing.com</a></li> </ul>
KISAH KEJAYAAN	<p>Dengan berkat kesabaran dan kesungguhan yang ditunjukkan, kini beliau berjaya melebarkan sayap perniagaannya hingga ke negara luar. Beliau yang dimaksudkan adalah Kow Chun Boon ataupon lebih dikenali dengan nama Steven Kow. Mula mewarisi minat yang mendalam dalam bidang perniagaan menerusi bapanya sendiri yang mula menjalankan perniagaan akuarium dan juga bingkai gambar pada tahun 80-an di Kemayan, Pahang. Tetapi seperti yang kita ketahui, Negara Malaysia ketika itu mengalami masalah ekonomi yang merudum menyebabkan bapanya terpaksa berhenti dari meneruskan perniagaan sehingga beliau, Steven Kow mula mencari jalan untuk meneruskan semula perniagaan yang hanya sempat beroperasi untuk jangka masa yang singkat sahaja. Setelah anak kelahiran Pahang ini berjaya menamatkan pelajarannya di peringkat SPM dan STPM, beliau nekad untuk keluar dari masalah yang dihadainya serta keluarga untuk mencari kerja bagi membolehkan beliau mempunyai sedikit modal untuk meneruskan semula perniagaan milik bapanya dahulu.</p> <p>Pada tahun 2008, beliau telah berhijrah ke Negeri Perak dan mendapat kerja di Setiawan dalam bidang Oil &amp; gas, hampir 4 tahun bekerja didalam bidang Oil &amp; Gas, beliau berhenti bekerja di Setiawan, Perak dan kembali semula ke Kemayan, Pahang dengan harapan dia dapat membuka 1 perniagaan melalui hasil usahanya sendiri. Bermodalkan duit hasil simpanannya, beliau terpikir untuk memulakan perniagaan secara atas talian dengan berniaga peralatan memancing secara kecil-kecilan. Bagaimanapun niatnya itu dihalang oleh kedua orang tuanya serta abangnya.</p>

Beliau, Steven Kow bagaimanapun tidak sesekali berputus asa, beliau tahu yang niatnya dihalang kerana usianya yang masih muda menyebabkan ahli keluarganya tidak bersetuju. Tetapi atas minat yang mendalam dan demi membantu membela semula nasib keluarganya, beliau cuba menjalankan perniagaan atas talian secara senyap tanpa diketahui oleh ahli keluarganya. Menggunakan medium seperti Facebook, Instagram dan juga Blog untuk menjual peralatan memancing, Steven juga menggunakan perantara tersebut bagi memudahkan pembeli melihat barang-barang yang dijual kerana beliau tidak mempunyai kedai pada ketika itu.

Menceritakan detik beliau memulakan perniagaan secara atas talian, ternyata ianya amat sukar kata Steven kerana setiap pelanggan mempunyai perangai yang berbeza, beliau juga pernah ditipu oleh pelanggan menyebabkan beliau terpaksa menanggung kerugian. Tetapi semangat nya tidak pernah pudar dan dari hari ke hari, pelanggan Steven semakin bertambah dan beliau mula dikenali walaupun ada dikalangan pelanggannya tahu yang beliau tidak mempunyai kedai bagi memudahkan pelanggannya membuat urusan jual beli. Namun beliau tetap gigih menjalankan perniagaannya, beliau mendapat cadangan untuk mempromosikan perniagaannya menggunakan Facebook, Instagram dan sebagainya selepas beliau bertemu dengan para petugas Pusat Internet 1 Malaysia sewaktu mereka cuba mengedarkan poster dan sebagainya yang dianjurkan sendiri oleh Pusat Internet 1 Malaysia. Hampir 2 tahun menjalani perniagaan secara atas talian, beliau mula memberanikan diri untuk berbincang dengan ahli keluarganya bagi menyambung semula perniagaan bapanya yang terdahulu dengan dikendalikan oleh beliau sendiri. Dengan harapan dan peluang yang diberikan bapanya, Steven memulakan perniagaannya sendiri berbekalkan sebuah bangunan kedai lama yang sehingga kini binaannya hanya menggunakan papan milik bapanya dahulu.

Bersemangat apabila beliau diberi keizinan dari bapanya untuk membuka semula perniagaan, Steven tidak pernah sesekali cuba mengecewakan bapanya, setiap masa beliau cuba memikirkan strategi bagi terus mengembangkan empayar perniagaannya, bermula dari perniagaan secara atas talian sehingga beliau mempunyai kedai untuk para penggemar peralatan pancing atau kaki pancing yang lain datang berkunjung ke kedai miliknya itu. Sedikit demi sedikit, hasil pusingan modal yang yang beliau perolehi, ditambah pula dengan pelbagai jenis peralatan pancing yang lain. Menceritakan detik sewaktu beliau dihalang oleh bapanya suatu ketika dahulu untuk menjalankan perniagaan membuatkan beliau sedikit terkilan tetapi beliau tidak pernah berdendam dan tidak pernah berputus asa sehingga beliau dapat mencapai apa yang diinginkannya selama ini.

Kedai yang diberi nama Eng Kwang semakin hari kian

mendapat jolokan ramai menyebabkan mereka dari seluruh pelusuk daerah dan negeri lain sanggup datang untuk mendapatkan barang yang dijual. Melalui pengalaman bermiaga diatas talian, beliau kini mahir dalam menguruskan pelanggannya dan kerap membuat program memancing bagi meraikan kesungguhan dan kesetiaan para pelanggannya. Bermula dengan tenaga kerja seramai 3 orang, beliau bersungguh dalam menjalankan perniagaanya itu tanpa memikirkan rehat, baginya kepuasan pelanggan adalah keutamaan.

Pada tahun 2013 pula, dengan hasil usahanya yg keras selama ini, beliau sekali lagi mengorak langkah dengan membuka satu lagi perniagaan dalam bentuk penghantaran barang. Ia lebih mudah bagi tujuan penghantaran barang secara terus kepada pelanggan. Perniagaan penghantaran barang yang dimaksudkan ialah Skynet dan Nationwide Express. Dengan adanya syarikat penghantaran seperti itu, segala jenis peralatan atau barang lain yang ingin dipos kepada pelanggan tidak menjadi halangan kepada mereka yang mempunyai masalah jarak perjalanan yang jauh untuk ke kedainya untuk tujuan pembelian barang.

Beliau menggunakan tenaga kerja seramai 4 orang untuk membantunya menguruskan segala jenis hal yang melibatkan penghantaran. Syarikat penghantaran barang yang diusahankannya itu bukan hanya focus pada barang pancing yang dijualnya sahaja, malah turut mengambil urusan penghantaran yang lain juga. Bagi Steven, di usia yang masih muda ini tidak salah untuk beliau terus cuba meningkat naik dengan dunia kemajuan dan permodenan yang kian menonjol. Selain itu juga, kata beliau internet juga merupakan salah satu cara untuk beliau terus melebarkan sayap perniagaan.

## KETERANGAN GAMBAR



**Gambar 1:**  
Menunjukkan pandangan bangunan kedai dari sudut hadapan.



**Gambar 2:** Menunjukkan papan tanda kedai pancing Eng Kwang milik Steven.



**Gambar 3:** Program yang dianjurkan oleh Kedai Pancing Eng Kwang.



**Gambar 4:** Suasana ketika hari program yang dianjurkan



**Gambar 5:** Sebahagian daripada tenaga pekerja yang bertugas .



**Gambar 6:** Contoh barang ( Rod ) yang dijual.



**Gambar 7:** Contoh umpan yang sering digunakan oleh para pemancing.



**Gambar 8:** Tali mata kail yang berkualiti tinggi yang sering menjadi pilihan para pemancing.



**Gambar 9:** Antara mesin yang popular (RYOBI) digunakan yang turul dijual di kedai pancing Eng Kwang.



**Gambar 10:** Bangunan Sinar Group yang menjalankan segala urusan penghantaran barang.



**Gambar 11:** Menunjukkan keadaan didalam premis tersebut.

**MAKLUM BALAS**

1. Antara tarikan yang menyebakan saya berminat untuk ke Pusat Internet 1 Malaysia (Pi1M) kerana saya dapat mengikuti kelas yang dianjurkan oleh Pi1M,dengan cara

	<p>itu saya dapat mempelajari cara menggunakan computer dengan betul, para petuga Pi1M juga banyak memberikan penerangan kepada saya dan sedikit sebanyak ia dapat menambahkan lagi pengetahuan saya dalam dunia IT yang serba canggih dan moden pada zaman ini.</p> <p>2. Dengan adanya juga Pi1M ini, secara jujurnya saya mengakui bahawa projek yang dibina oleh Kerajaan dengan kerjasama SKMM adalah langkah yang terbaik bagi memberikan pengetahuan meluas kepada masyarakat luar bandar termasuk saya sendiri. Ia merupakan salah satu langkah yang bijak dalam mengetengahkan ilmu pengetahuan di arus permodenan dan pembangunan IT dimasa ini.</p> <p>3. Akhir sekali, saya berharap pihak Pusat Internet 1 Malaysia dapat meneruskan dan mempergiatkan lagi segala program yang dapat memupuk minat masyarakat yang lain dalam menerajui dunia IT kerana pada zaman ini, pengguna kurang pengetahuan dalam bidang IT termasuklah ada dikalangan mereka yang langsung tidak tahu bagaimana cara untuk menggunakan komputer. Jadi dengan adanya Pi1M ini, secara tidak langsung masalah itu dapat diatasi dengan wujudnya pusat internet seperti itu serta para petugasnya yang lebih terlatih dalam memberikan segala tunjuk ajar.</p>
--	--